


BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 7 Tahun 2023

Julai 2023

SESI PERKONGSIAN ILMU AKRAB BILANGAN 3 : PERKONGSIAN SARINGAN KESIHATAN (KOSPEN WOW)



PUTRAJAYA, 3 Julai 2023 – Sesi perkongsian ilmu AKRAB, Bilangan 3, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah diadakan secara atas talian. Seramai 58 orang telah hadir dengan jayanya dari seluruh mahkamah negeri. Ceramah yang bertajuk Saringan Kesihatan telah disampaikan oleh Puan Siti Zubaidah binti Othman Siru, Pegawai Psikologi, Jabatan Perdana Menteri. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran; menambah pengetahuan dan pengalaman; serta perkongsian pandangan dan idea berkaitan AKRAB bagi memantapkan proses membantu dan membimbing klien serta organisasi.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

AKRAB BERSAMA WARGA MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH, 20 Jun 2023 – Aktiviti AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan telah diadakan bertempat di Mahkamah Sesyen Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seramai 11 orang yang telah hadir diantaranya pegawai dan kakitangan Mahkamah Kuala Pilah.

Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan dan menyampaikan AKRAB kepada warga Mahkamah Negeri Sembilan
- Memupuk kerjasama antara pegawai, kakitangan dan juga mengukuhkan hubungan.
- Menggalakkan dan memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan tentang kemahiran berkomunikasi dua hala.



Pencapaian :

- Pegawai dan kakitangan gembira dapat bersama-sama menjayakan program ini
- Kerjasama dan keharmonian antara pegawai dan kakitangan dapat dicapai
- Pendedahan dan ilmu yang dikongsi kepada pegawai dan kakitangan berjaya disampaikan dengan baik
- Pegawai dan kakitangan dapat meluangkan masa dan merehatkan minda dengan hadir program seperti ini



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

BOOTH PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB PKPMP DI MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET JOHOR BAHRU

Johor Bahru, 5 Julai 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Mahkamah Sesyen/ Majistret Johor Bahru. Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunapakai dalam intervensi psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi/ kaunseling secara bersemuka.



Antara aktiviti- aktiviti menarik yang telah diadakan ialah Sesi Bimbingan AKRAB, *Art Therapy*, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

BOOTH PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB PKPMP DI KOMPLEKS MAHKAMAH KOTA BHARU



Kota Bharu, 26 Julai 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Kompleks Kota Bharu, Kelantan. Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunakan dalam intervensi psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi/ kaunseling secara bersemuka.



Antara aktiviti- aktiviti menarik yang telah diadakan ialah Sesi Bimbingan AKRAB, *Art Therapy*, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

BOOTH PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB PKPMP DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA TERENGGANU



Kuala Terengganu, 27 Julai 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu . Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunapakai dalam intervensi psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi/ kaunseling secara bersemuka.

Antara aktiviti- aktiviti menarik yang telah diadakan ialah Sesi Bimbingan AKRAB, *Art Therapy*, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda.